

Memperkasa Islam dalam setiap disiplin ilmu

# Lonjak UniSZA ke peringkat dunia

Oleh ROSALINDA MD. SAJD  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA TERENGGANU 11 FEB.

**N**AIB Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif berazam memperkasakan Islam dalam setiap disiplin ilmu seiring dengan sasaran meletakkan institusi itu sebagai universiti ternama di peringkat antarabangsa.

Beliau yang mula memikul tanggungjawab itu berkuat kuasa 1 Februari lalu berkata, potensi serta kekuatan asas pengajian Islam yang terkenal suatu ketika dahulu akan diperkukuhkan sebagai pusat kecemerlangan.

Pakar bedah neuro terkemuka itu menegaskan, pengalaman luas selama 30 tahun berkhidmat dalam bidang pentadbiran, perubatan, penyelidikan dan aktiviti kemasyarakatan serta hubungan dengan pelbagai pihak akan dimanfaatkan sepenuhnya di sini.

“Daripada segi asasnya, kita tidak akan ada banyak perubahan, bagaimanapun kita komited untuk terus memperkasa tiga kampus sedia ada, termasuk menerusi konsep ‘kesepunyaan’ melalui perkongsian kemudahan dengan institusi pengajian lain yang dapat menjimatkan kos pembangunan yang cukup besar.

“Sebelum ini kita sudah buat pada masjid dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang terletak bersebelahan, usaha ini akan diperluas melibatkan penggunaan bersama Pusat Islam, stadium serta kolam renang.

“Di samping itu, hasil perbincangan dengan kepimpinan dahulu dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, kita turut



Daripada segi asasnya, kita tidak akan ada banyak perubahan, bagaimanapun kita komited untuk terus memperkasa tiga kampus sedia ada, termasuk menerusi konsep ‘kesepunyaan’ melalui perkongsian kemudahan dengan institusi pengajian lain yang dapat menjimatkan kos pembangunan yang cukup besar.”

**AHMAD ZUBAIDI ABDUL LATIF**  
Naib Canselor UniSZA



mengariskan empat petunjuk prestasi utama (KPI) yang ingin dicapai iaitu Hospital Pengajar UniSZA, pembangunan akademik, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan legasi,” katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Sambutan dan Taklimat di Dewan Senat, Bangunan Pentadbiran UniSZA di sini hari ini.

Yang hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA, Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mohd. Ekhwan Toriman serta Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Nik Wan Omar.

Ahmad Zubaidi yang berasal dari Bukit Payong, Marang menggantikan Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim yang tamat perkhidmatan, dan pelantikan bagi tempoh tiga tahun itu berkuat kuasa sehingga 31 Januari 2019.

Menyentuh mengenai pembinaan Hospital Pengajar yang bakal turut menjana kepesatan perkembangan UniSZA, beliau memberitahu, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengeluarkan surat niat kepada kontraktor terpilih dan projek bakal dimulakan Jun depan dan dijangka siap menjelang awal 2019.

“Sejak 2010, kita sudah menggerakkan perkongsian pengalaman di antara Hospital Pengajar UniSZA dengan Hospital McGill di Montreal, Kanada dan terbaharu Universiti Dow di Pakistan manakala di dalam negara usaha itu turut diperluaskan dengan Hospital Universiti kebangsaan Malaysia (HUKM) dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

“Tumpuan kepada bidang perubatan ini dapat memantapkan lagi peranan fakulti perubatan UniSZA sekali gus membolehkan UniSZA menawarkan program berkaitan bagi melahirkan lebih ramai pakar,” katanya.